

## Kerjasama Sime Darby, Wallbox percepat penggunaan EV

Kuala Lumpur: Wallbox, penyedia penyelesaian pengecasan dan pengurusan tenaga kenderaan elektrik (EV) menjalinkan perkongsian dengan Sime Darby Bhd untuk mempercepat penggunaan EV di Malavsia.

Mengikut perjanjian itu, Mecomb Malaysia, anak syarikat Sime Darby, akan mengedarkan rangkaian produk Wallbox dan menjadi antara penyelesaian pengecasan AC (arus ulang alik) pilihan untuk Sime Darby Motors.

Perkongsian ini, ia membantu meningkatkan pembangunan ekosistem EV di rantau Asia Pasifik, menurut kenyataan bersama Wallbox dan Sime Darby.

Pengarah Urusan Mecomb Malaysia, Ooi Sim Mun berkata, pihaknya mahu mengembangkan perkongsian ini di Malaysia dan kemudian memperluas ke seluruh Asia Pasifik.

"Kami gembira dapat menjalinkan perkongsian dengan Wallbox untuk menawarkan penyelesaian EV padat premium," katanya.

Sementara itu, Naib Presiden Jualan, Wallbox, Moises Barea berkata, komitmen Sime Darby terhadap kemampanan bukan sahaja melangkaui penyelesaian pengecasan malah merangkumi keseluruhan ekosistem EV.

"Seperti biasa, matlamat kami berterusan menyediakan produk mesra pengguna yang diterima baik oleh pelanggan di seluruh dunia. Kami gembira berkongsi dengan Sime Darby ketika kami terus mengembangkan penyelesaian EV kami di seluruh Malaysia," katanya.